



Berita@UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ISSN 1985 - 4706



KANDUNGAN

UTeM MENANG 3 EMAS DI ITEX 2009

PENGANJURAN IMAGINE CUP 2009

MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN
INFOSYS FOUNDATION PROGRAM 2009

PERBINCANGAN PENGKOMERSILAN PRODUK
HASIL PENYELIDIKAN UTeM

NAIB CANSOLOR ADAKAN PERTEMUAN DENGAN
KETUA MENTERI MELAKA

LAWATAN SMA NEGERI 1 KEBOMAS,
JAWA TIMUR KE UTeM

LAWATAN SOUTH CHINA UNIVERSITY
FOR NATIONALITIES (SCUN) KE UTeM

LAWATAN MUHIBBAH KAKITANGAN USM KE UTeM

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UTeM SERTA
PROGRAM PINTAR

UTeM SERTA EKSPEDISI BERAKIT ANTARABANGSA
SUNGAI PAHANG 2009

KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) BAGI
PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS45 - TK3

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEJOHANAN
SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA KE-34

PERKHEMAHAN LUAR KOR SUKSIS

TEMASYA SUKAN MASUM 2009:
KONTINJEN UTeM RAIH 8 PINGAT



UTeM MENANG 3 EMAS di ITEX 2009

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah memenangi 14 pingat di International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2009) yang berlangsung pada 15 hingga 17 Mei lalu di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Pingat-pingat yang dimenangi tersebut adalah merangkumi tiga emas, enam perak dan lima gangsa hasil produk penyelidikan yang dihasilkan oleh para penyelidik UTeM.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM, Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar bin Mohd. Diah, UTeM telah menghantar sebanyak 15 projek dan 14 daripadanya telah mendapat pingat. Pemenang menerima pingat dan sijil penghargaan daripada pihak penganjur yang telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Fadillah Yusof.

bersambung di muka surat 03

EDITOR BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :
PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF

PENOLONG KETUA EDITOR :
FARADILA BINTI MD. YUSOF


WARTAWAN :
RUZAIMAN BIN ABDUL RAHMAN
BOB FAIZELI BIN MOHAMED DIN

GRAFIK & REKALETAK :
AZIZA BINTI MD BUANG
SURIA BINTI ABDUL RAHMAN

JURUFOTO :
MD SALEH
NUI
MO

PEI LG
AL 173
UR .M44
AZI .B47
azi 2009
a
May

PENGANJURAN IMAGINE CUP 2009 UTeM TERIMA PUJIAN DARIPADA MICROSOFT MALAYSIA



19 Mei 2009 : UTeM telah diberi penghormatan untuk mengetuai penganjuran pertandingan akhir Imagine Cup 2009 peringkat kebangsaan yang telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid. Pertandingan ini merupakan platform bagi memilih ciptaan perisian terbaik untuk mewakili Malaysia ke pertandingan akhir peringkat dunia yang akan diadakan di Mesir pada bulan Julai nanti.

Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan di dalam ucapan aluannya, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Microsoft Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) kerana telah memberikan penghormatan kepada UTeM untuk menerajui sebuah acara yang berprestij seperti ini. Beliau turut menyatakan rasa bangga di atas peningkatan bilangan penyertaan serta kualiti perisian yang dipertandingkan dan berharap agar pasukan yang menang kelak dapat mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, Pn. Yasmin Mahmood melalui ucapannya pula melahirkan penghargaan kepada Prof Dr. Ahmad Yusoff dan semua ahli jawatankuasa penganjuran di atas tahap profesionalisme dan kerjasama yang ditunjukkan. Secara terbuka beliau berkata bahawa Imagine Cup 2009 ini adalah yang terbaik dari segi jumlah dan kualiti penyertaan. Antara tetamu kehormat yang hadir sama untuk menyaksikan pertandingan akhir Imagine Cup 2009 ialah Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Y.B Dato' Saifuddin Abdullah diiringi oleh Ketua Pengarah KPTM, Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Bin Radin Sohadi, Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor IPTA yang bertanding, para pensyarah dan juga wakil media.

Imagine Cup 2009 peringkat kebangsaan telah dimenangi oleh pasukan 'Capricorn' yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) melalui perisian ciptaan mereka yang dapat menyebarkan maklumat melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) kepada pesawah padi mengenai jadual penanaman, ramalan cuaca dan pelbagai informasi yang berguna dari masa ke semasa. Kemenangan ini sekali gus melayakkan mereka mewakili negara ke pertandingan akhir di Mesir. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pemenang dan para petugas kerana telah memberikan komitmen yang tinggi serta bertungkus lumus untuk memastikan kelancaran majlis pada hari tersebut.



MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN INFOSYS FOUNDATION PROGRAM 2009

10 MEI 2009 –Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDec) menganjurkan Infosys Foundation Program 2009 yang berlangsung pada 10 Mei 2009 hingga 4 Julai 2009 bertempat di Hotel Kings, Ayer Keroh Melaka. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTeM telah diberi kepercayaan untuk menjadi urus setia dan penganjur bersama bagi program ini.

Seramai 100 orang pelajar yang terpilih daripada seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia mengikuti kursus ini. Ia diadakan bertujuan untuk menyediakan para pelajar yang akan menjadi modal insan berpengetahuan dalam bidang IT serta relevan dengan kehendak industri. Melalui program ini para pelajar didedahkan dengan pengetahuan mengenai teknologi maklumat yang telah direka oleh Infosys Technologies Limited, iaitu salah sebuah syarikat IT terbesar di India.

Majlis perasmian telah dilakukan oleh Prof. Khairudin Ab Hamid dan dijangka majlis perasmian penutup pula akan dilakukan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Khaled bin Nordin. Turut hadir semasa majlis perasmian pembukaan ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Dato' Prof. Dr. Mohd Nor bin Husain.



PERPUSTAKAAN
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MUCH) 40330
31 OCT 2009





sambungan dari muka surat 01

ITEX ialah sebuah pameran penyelidikan bertaraf antarabangsa, dianjurkan oleh Malaysian Invention & Design Society (MIND) yang mengumpulkan produk penyelidikan daripada individu, organisasi dan universiti di seluruh Malaysia. Pameran ITEX 2009 adalah satu platform untuk para penyelidik mengenengahkan produk penyelidikan yang dihasilkan selain dapat bertemu dengan penyelidik-penyelidik dan syarikat yang berminat untuk pengkomersilan dari seluruh dunia.

Pada tahun lalu UTeM telah menghantar sebanyak 18 projek penyelidikan dan memenangi 13 pingat (3 emas, 5 perak dan 5 gangsa). Manakala dalam pameran kali ini pula, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer telah menghantar lima projek penyelidikan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dengan tiga projek, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan menghantar dua projek, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal pula tiga projek dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dengan dua projek.

20TH INTERNATIONAL INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX 09)

BIL	KETUA PENYELIDIK	PENYELIDIK	TAJUK PENYELIDIKAN	FAKULTI
1.	Muhammad Herman Bin Jamaluddin	Ahmad Zaki Bin Hj Shukor	Blackout Alert System (Blast)	FKE
2.	Mohd Rizal Alkahari	Liew Sow Ming, Mohd Zakaria Bin Mohammad Nasir, Mohd Nazim Bin Abdul Rahman, Mustafar Abkadir, Prof. Md Radzai Said, Zairulazha Bin Zainal, Masjuri Bin Musa @ Othman, Mohd Khairi Bin Mohamed Nor	Design And Development Of Fire Fighting Machine (4)	FKM
3.	Mohamad Zainol Abidin Bin Abd Aziz	Syaifulredzwan, Prof. Dr. Mohamad Kadim Suaidi	X-polarization Microstrip Patch Array Antenna	FKEKK
4.	Ranjit Singh A/I Sarban Singh	Siva Kumar A/I Subramaniam, Siti Aisyah Binti Anas, Sani Irwan Bin Md Salim, Prof Abdul Hamid Bin Hamidon	Occupancy System For Automatic Electrical Appliances Switching	FKEKK
5.	PM Dr. Zulkifli Bin Ibrahim	Raihana Binti Mustafa, Siti Normiza Binti Mat Isa	Microcontroller Based High Power Lead Rope Light Application	FKE
6.	Prof. Madya Dr. Musse Mohamad Ahmed	Soo Wai Lian	A New Automated Compact Substation For 415 V Distribution System In Malaysia	FKE
7.	Silah Hayati Binti Kamsani	Nik Mohd Farid Bin Che Zainal Abidin, Abdul 'Alim Bin Abdullah	Remote Sensing Walker	FKP
8.	Farah Shahnaz Feroz	William Tam	Fully Automatic Sorting Machine Using Vision Based System	FKEKK
9.	Mohd Yuhazri Bin Yaakob	Mohamad Fadlizan Bin Rosni, Mohd Noor Ikhwan Bin Mohd Fauzi, Mohd Arsyah Bin Kamaruzaman	Green Noiheivi Insulator	FKP
10.	Ahmad Sadhiqin Bin Mohd Isira	Mohd Azali Bin Zainal Abidin, Zuriattha	Signal Indicator For Home Appliances	FKEKK
11.	Habibullah Akbar	Prof. Dr. Nanna Suryana Herman, Anton Satria Prabuwno, Adnan Rachmat Anom Besari, Zulkifli Tahir	Embedded Vision Technology For Smart Scale System	FTMK
12.	Mohd Zakaria Bin Mohamad Nasir	Dr. Khisbullah Hudha, Ubaidillah	Low Cost Suspension Test Machine	FKM
13.	Herdy Rusnandi	Faizul Akmar Bin Abdul Kadir	Electric Parking Brake	FKM
14.	Prof. Dr. Nanna Suryana Herman	Habibullah Akbar, Wahyono Sapto Widodo, Anton Satria Prabuwno, Zulkifli Tahir, Adnan Rachmat Anom Besari	Improvement Of Product Quality Inspection Using User Friendly And Low Cost Machine Vision System	FTMK



NAIB CANSOLOR ADAKAN PERTEMUAN DENGAN KETUA MENTERI MELAKA



15 Mei 2009 – Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan telah mengadakan pertemuan dengan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Haji Mohd Ali bin Rustam bertempat di Kediaman Rasmi Ketua Menteri, Seri Bendahara pada pagi ini.

Prof. Dr. Ahmad Yusoff yang diiringi oleh beberapa orang pegawai daripada Pejabat Canselor, mengadakan perbincangan lebih sejam dengan Datuk Seri Mohd Ali. Antara isu yang dibangkitkan ialah mengenai pembangunan kampus dan hubungan kerjasama yang boleh dijalankan antara pihak universiti dan Kerajaan Negeri Melaka.

Pertemuan ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan baik antara kedua-dua pihak agar dapat memberi manfaat untuk kemajuan bersama.

LAWATAN MUHIBBAH KAKITANGAN USM KE UTeM



28 Mei 2009 : Seramai 36 orang kakitangan akademik, pentadbiran dan teknikal Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Nibong Tebal telah mengadakan lawatan muhibbah ke UTeM baru-baru ini.

Lawatan ini telah diraikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah. Pada sesi taklimat yang diadakan di Auditorium, Datuk Prof Madya Dr. Abu Bakar telah berkongsi maklumat berkaitan perkembangan terkini UTeM serta pencapaian penyelidikan kepada para hadirin.

Di penghujung majlis, para peserta lawatan telah menerima cenderahati sebagai tanda kenangan dan turut menikmati pemandangan sekitar kampus melalui Bangunan Canselor.

LAWATAN SOUTH CHINA UNIVERSITY FOR NATIONALITIES (SCUN) KE UTeM

21 Mei 2009 : UTeM menjadi destinasi pilihan delegasi daripada South China University For Nationalities (SCUN) dalam rangka lawatan mereka di Malaysia. Delegasi SCUN diketuai oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa SCUN, Prof. Ruan Zhijan dan diiringi oleh Dekan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Y. Bhg. Prof. Dr. Ridzuan Nordin.

Ketibaan delegasi SCUN telah disambut oleh Ketua Penolong Pendaftar (Pejabat Pendaftar), Puan Azizah Saban, Ketua Penolong Pendaftar (Bahagian Akademik dan Antarabangsa, Canselor), Puan Sharifah Nurul Faridah dan Penolong Pendaftar (Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa) En. Mohamad Yusoff di Bangunan Canselor.

Sesi ramah mesra yang telah diadakan memberi peluang kepada para delegasi untuk bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan universiti masing-masing. Lawatan ini juga adalah susulan daripada kunjungan pelajar dan pegawai UTeM ke SCUN tidak lama dahulu.



LAWATAN SMA NEGERI 1 KEBOMAS, JAWA TIMUR KE UTeM

22 Mei 2009: Seramai 17 orang pelajar, lima orang guru pengiring, seorang sukarelawan dan Pengetua SMA Negeri 1 Kebomas, Jawa Timur Indonesia telah berkunjung ke UTeM baru-baru ini.

Rombongan ini terlebih dahulu tiba di Singapura dan meneruskan perjalanan ke Melaka untuk melawat UTeM, sebelum berlepas pula ke Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Lawatan yang diadakan ini bertujuan untuk mengenali dengan lebih dekat sistem pembelajaran di universiti, keperluan kelayakan akademik, biasiswa yang ditawarkan dan kos pengajian. Taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar (Bahagian Akademik dan Antarabangsa, Canselor), En. Mohd Azmi Bin Mat Said. Di penghujung lawatan, para peserta rombongan telah disajikan dengan jamuan makanan tradisional Melayu serta turut diberikan cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan daripada UTeM.





PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UTeM SERTA PROGRAM INTEGRASI INSAN TERBILANG (PINTAR)

PROGRAM PINTAR


Seramai 46 orang Pegawai-pegawai Kanan dan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 48 ke atas, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai Program Integrasi Insan Terbilang (PINTAR) yang dianjurkan oleh Unit Latihan Pejabat Pendaftar UTeM dengan kerjasama Unit Latihan Jabatan Pendaftar Universiti Sains Malaysia (USM).

Program yang berlangsung selama tiga hari bermula pada 22 Mei 2009 hingga 24 Mei 2009 telah diadakan di Bukit Merah Laketown Resort Taiping Perak. Modul Kursus 'Pemantapan Kerja Berpasukan UTeM' ini bertujuan untuk menonjolkan potensi diri peserta dan merangsang ke arah perubahan secara positif serta meningkatkan semangat kerja berpasukan di kalangan ahli.

Para peserta didedahkan dengan kaedah Logical Framework Analysis (LFA) yang merupakan alat analisis yang digunakan untuk merancang, mereka bentuk, melaksana, memantau serta menilai sesuatu projek melalui pendekatan kerja berpasukan berasaskan objektif dan secara sistematik.

Modul PINTAR ini dijalankan dengan berasaskan empat tahap iaitu pertama sekali ialah taklimat dan diikuti oleh LFA. Seterusnya ialah program gerak kerja berimpak tinggi dan yang terakhir sekali ialah Pelan Tindakan Diri dan Pasukan. Selain sesi di dalam kelas, para peserta juga turut terlibat di dalam aktiviti luar yang menguji ketahanan mental dan fizikal para peserta di samping meningkatkan semangat kerja berpasukan yang mantap.

Dengan adanya program seperti pegawai-pegawai yang menerajui universiti mendapat peluang untuk berkongsi idea dan pendapat dalam merealisasikan misi dan visi universiti dengan lebih efektif.




UTeM SERTAI EKSPEDISI **BERAKIT** ANTARABANGSA SUNGAI PAHANG 2009

Seramai 15 orang kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyahut cabaran berakit dari Bandar Temerloh sehingga Bandar Di Raja Pekan, Pahang pada 24 hingga 28 Mei yang lalu.

Menurut Pengarah Sukan UTeM, Hj. Ismail bin Abdol Jalil, Ekspedisi Berakit Antarabangsa Sungai Pahang 2009 ini disertai oleh Grup Kembara, Biro Sukan & Rekreasi Badan Kebajikan dan Sukan UTeM (BAKUTeM) dengan kerjasama Pusat Sukan UTeM. Grup Kembara BAKUTeM ini bukan sahaja menjadi platform untuk staf bercuti sambil menyingkap keindahan semula jadi bertemakan simfoni alam yang terdapat di negara ini, bahkan menjadi tali penghubung silaturahmi sesama staf dan masyarakat setempat di mana aktiviti tersebut diadakan.

Antara objektif menyertai ekspedisi ini ialah memperkenalkan dan mempromosi UTeM sebagai salah sebuah IPTA melalui sukan lasak dan rekreasi seterusnya meletakkan UTeM sebaris dengan nama-nama universiti yang gah dan terkenal dalam sukan lasak dan rekreasi. Para peserta juga berpeluang untuk mendalami ilmu pengetahuan mengenai seni, budaya, permainan tradisional dan makanan tradisional masyarakat perkampungan di sepanjang Sungai Pahang.

Ekspedisi yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser pada setiap tahun dari tahun 1991 ini berjaya mengumpul seramai 100 orang peserta dari dalam dan luar negara. Perjalanan ekspedisi adalah sejauh 329 km dengan merentasi sebanyak 6 daerah di Pahang. Peserta-peserta diraikan oleh penduduk kampung di sekitar laluan Sungai Pahang dengan makanan tradisional dan persembahan kebudayaan di kampung yang disinggahi.



KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) BAGI PENSYARAH UNIVERSITI GRED DS45 - TK3



27 Mei - 3 Jun: Bertempat di Auditorium Kampus Induk, telah berlangsungnya Kursus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi Pensyarah Universiti Gred DS45 - TK3 yang dianjurkan oleh Unit PTK, Pejabat Pendaftar.

Kursus yang berlangsung selama enam hari itu bertujuan untuk memperkasakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran, menggalakkan pembangunan diri dan menerapkan budaya kerja berpasukan. Di samping itu, kursus ini diadakan bagi memenuhi syarat anjakan gaji serta kenaikan pangkat para pensyarah. Peserta kursus didedahkan dengan pelbagai aspek kemahiran dan pengurusan yang lebih teratur melalui ceramah yang disampaikan oleh Dekan Fakulti dan Pengarah Pusat universiti.

Selain daripada sesi ceramah, peserta kursus turut menduduki peperiksaan akhir untuk menilai tahap pengetahuan mereka. Peperiksaan akhir tersebut telah dijalankan di bilik kuliah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) pada 1 Jun 2009.

Kemuncak kepada kursus ini ialah persembahan Pengucapan Awam secara individu di hadapan Panel Penilai iaitu Prof. Dr. Marizan Bin Sulaiman selaku Ketua Panel, Prof. Dr. Md Razali Bin Ayob dan Prof. Madya Shahdan Bin Md. Lani. Pada hari terakhir kursus, para peserta turut membuat persembahan individu di dalam Bahasa Inggeris bertemakan Micro Teaching.

MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KEJOHANAN SUKAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA KE-34

26 Mei 2009: Bertempat di Dewan Pusat Sukan, telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Bendera kepada kontinjen UTeM yang akan menyertai Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia ke-34 di Terengganu. Pada tahun ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah dipilih sebagai tuan rumah bermula daripada 3 hingga 13 Jun 2009.

Naib Canselor UTeM, Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusof Bin Hassan telah hadir untuk menyempurnakan majlis penyerahan bendera tersebut. Semasa menyampaikan amanat, beliau telah memberikan kata-kata semangat kepada semua atlit agar berusaha bersungguh-sungguh demi menaikkan nama universiti.

Amanat Naib Canselor kemudiannya disambut dengan bacaan ikrar penuh bersemangat diketuai oleh En. Md. Noor Bin Derus dari Pusat Sukan. Di akhir majlis, Y. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusof diperkenalkan dengan para atlit dan pegawai pengiring. Semoga kontinjen UTeM terus cemerlang pada kejohanan kali ini. UTeM boleh!!!



FOKUS LENSA




Siapa handal : Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar menyertai Pertandingan Lumba Basikal Lambat semasa menghadiri Karnival Sukan Kg. Beringin, Durian Tunggal.



Taklimat : Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Bin Husain dan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin ketika mendengar Taklimat MyCPD yang diadakan di Auditorium Kampus Induk.



Rakan industri : Y.Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff ketika mempengerusikan mesyuarat bersama Advance Pact dan Biotech Melaka.



Untuk album : AJK Alumni UTeM (AUTeM) bergambar bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah ketika melakukan Kunjungan Hormat ke pejabat beliau baru-baru ini.



Kata-kata perangsang : Pasukan Robocon 2009 UTeM diberikan kata-kata semangat oleh Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar pada malam sebelum kejohanan bermula.



Serius : Para peserta Kursus Kaedah Penyelidikan begitu tekun dan menumpukan perhatian terhadap penerangan oleh penceramah.



Minat : Pengunjung cilik ini bersama ibunya tidak melepaskan peluang untuk melihat sendiri hasil ciptaan pelajar UTeM ketika mengunjungi Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2009.



Kongsi : Antara penyarah yang menyampaikan ceramah pada Kursus Kaedah Penyelidikan Prof. Dr. Nanna Suryana dan Dr. Musse Mohamud Ahmed.

PERKHEMAHAN LUAR **KOR SUKSIS**

11 - 16 Mei 2009 : Suasana tenang di Kem Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Utara, Ulu Kinta Perak dikejutkan dengan beberapa siri letupan kuat. Letupan yang dihasilkan adalah berpunca daripada beberapa jenis jerangkap samar yang dikawal secara manual serta kawalan jauh. Namun, tiada kecederaan dilaporkan dan keadaan kembali tenang kira-kira setengah jam selepas itu. Jangan panik, kerana itulah demonstrasi yang dilakukan oleh sepasukan jurulatih bahan letupan PGA di hadapan pelatih Kor Suksis UTeM yang menyertai perkhemahan luar di kem tersebut baru-baru ini.

Seramai 30 orang daripada Skuad 2006 Kor Suksis UTeM yang diiringi oleh tiga Pegawai dan 10 anggota lain-lain pangkat telah didedahkan dengan pelbagai maklumat mengenai pasukan PGA.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh latihan tersebut ialah sesi pengenalan peta dan pembacaan kompas, pengenalan senjata yang digunakan oleh PGA, demonstrasi ikhtihar hidup, latihan jasmani dan rondaan platoon. Buat julung kalinya, para pelatih Kor Suksis UTeM turut diajar Tarian Perang yang sangat sinonim dengan puak Maori di New Zealand. Ternyata gerak-geri dan sorakan yang lantang semasa latihan Tarian Perang telah menaikkan moral pasukan Suksis UTeM. Rata-rata pelatih Kor Suksis UTeM amat teruja setelah menamatkan latihan tersebut yang disifatkan sebagai yang terbaik setakat ini.



TEMASYA SUKAN MASUM 2009: **KONTINJEN UTeM RAIH 8 PINGAT**

13 - 28 Mei : Temasya Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2009 telah berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan menyaksikan kontinjen UTeM membawa pulang lapan pingat melalui acara Karate-Do dan Bowling Padang.

Pasukan Karate-Do UTeM yang pertama kali menyertai temasya ini telah menyumbangkan lima pingat, iaitu satu emas, satu perak dan tiga gangsa. Satu pingat emas dan tiga pingat gangsa masing-masing disumbangkan melalui acara Kumite Individu Lelaki. Bagi acara Kumite Individu Wanita, UTeM berjaya meraih satu pingat perak.

Sementara itu, pasukan Bowling Padang turut menyumbang kepada kutipan pingat UTeM dengan merangkul tiga pingat, iaitu dua emas dan satu perak. Meskipun diberi saingan hebat, pasukan Bowling Padang UTeM dapat menghadapi lawan dengan tenang hasil daripada latihan intensif yang dijalankan sebelum temasya bermula.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua atlit yang telah berjuang bersungguh-sungguh dan berjaya meletakkan UTeM di tangga ke-sembilan daripada 20 universiti yang bertanding. Semoga kontinjen UTeM akan terus berjaya pada temasya akan datang.



Selamat Pengantin Baru

Berita@UTeM ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pasangan-pasangan berikut yang telah melangsungkan perkahwinan mereka pada bulan Mei:

- Mohd Hanafi Bin Hassan (**Pusat Komputer**) & Siti Binti Md Kassim
- Noorazlina Binti Yusop (**Pusat Komputer**) & Mohd Riza Bin Ahmat
- Suhaila Binti Hj. Hassan (**FTMK**) & Mohamad Noriadee Bin Mohamad Nordin
- Norhafizah binti Md. Yusoh (**HEPA**) & Muzzaine bin Rahman

Kami mengucapkan Selamat Pengantin Baru dan sentiasa mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan yang berkekalan sepanjang hayat.

Tahniah

Tahniah diucapkan kepada warga UTeM yang telah menimang cahaya mata baru-baru ini.

- Mohammad Radzi Bin Motsidi (**FTMK**)
- Menyambut bayi lelaki pada 14 April 2009
- Mohd Rady Bin Ab Karim (**FTMK**)
- Menyambut bayi lelaki pada 29 April 2009
- Abd Halim Bin Tumiran (**Pembangunan**)
- Menyambut bayi lelaki pada 4 Mei 2009
- Siti Norani Binti Dolah (**Pembangunan**)
- Menyambut bayi lelaki pada 18 Mei 2009
- Sharudin Bin Ab Majid (**FTMK**)
- Menyambut bayi lelaki pada 31 Mei 2009

AL-FATIHAH

Allahyarham
Mohd Nor Bin Ali
(Penolong Pendaftar, HEPA)
telah kembali ke Rahmahtullah pada **9 Mei 2009** akibat komplikasi penyakit darah tinggi dan kencing manis.
Sama-samalah kita berdoa agar rohnya sentiasa dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

Amin